



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijeipc.com



KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN
KESEDIAAN KERJAYA VERSI BAHASA MELAYU

VALIDITY AND RELIABILITY OF THE CAREER READINESS INSTRUMENT
IN MALAY VERSION

Siti Aisyah Mohd Nong¹, Siti Zuraidah Md Osman^{2*}, Muhammad Afzamiman Aripin³, Mohd Hizwan Mohd Hisham⁴, Nor Roselidyawaty Mohd Rokeman⁵

¹ School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Email: aisyah1808@gmail.com

² School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Email: sitizuraidah@usm.my

³ Department of Advanced Technical and Vocational Education and Training, Faculty of Educational Sciences and Technology, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

Email: afzamiman@utm.my

⁴ Department of Advanced Technical and Vocational Education and Training, Faculty of Educational Sciences and Technology, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

Email: hizwan@utm.my

⁵ Faculty of Technical and Vocational, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: roselidyawaty@moe.gov.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.10.2024

Revised date: 10.11.2024

Accepted date: 12.12.2024

Published date: 24.12.2024

To cite this document:

Nong, S. A. M., Osman, S. Z. M., Aripin, M. A., Hisham, M. H. M., Rokeman, N. R. M. (2024). Kesahan Dan Kebolehppercayaan Instrumen Kesiediaan Kerjaya Versi Bahasa Melayu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (56), 720-730.

Abstrak:

Pembangunan instrumen yang baik akan membantu dalam proses penilaian dan kajian lanjutan, memastikan bahawa keperluan dan aspirasi kerjaya pelajar dapat dikenal pasti dan diurus dengan lebih berkesan. Dengan alat penilaian yang disesuaikan dengan budaya dan bahasa tempatan, ia akan meningkatkan ketepatan hasil kajian dan membantu institusi kemahiran menyediakan program latihan yang lebih berfokus dan bermanfaat untuk pelajar, serta meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam pasaran kerja. Justeru, kertas kajian ini membincangkan berkenaan dapatan kesahan dan kebolehppercayaan instrumen kesiediaan kerjaya dalam versi bahasa Melayu. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif bagi menguji kesahan dan kebolehppercayaan instrumen kesiediaan kerjaya versi bahasa Melayu. Pengkaji menjalankan pengujian kesahan melalui kaedah *Content Validity Index* (CVI) dengan melibatkan tiga orang pakar. Kajian rintis pula dijalankan bagi mendapatkan nilai kebolehppercayaan instrumen dengan melibatkan seramai 30 sampel pelajar daripada Kolej Vokasional. Terdapat

DOI: 10.35631/IJEPC.956044

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

empat elemen kesediaan kerjaya yang dikaji iaitu keprihatinan, perasaan ingin tahu, keyakinan dan rundingan yang melibatkan sebanyak 24 item daripada versi asal. Dapatan menunjukkan nilai CVI keseluruhan yang diperolehi adalah bersamaan 0.86 mencapai tahap yang disarankan dan dapatan nilai *Alpha Cronbach* (α) bersamaan 0.952 menunjukkan bahawa instrumen tersebut mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Rumusan daripada hasil kajian ini menunjukkan bahawa instrumen kesediaan kerjaya versi bahasa Melayu ini memenuhi kriteria kesahan dan kebolehpercayaan instrumen serta boleh digunakan oleh pengkaji lain pada masa hadapan bagi mengukur tahap kesediaan kerjaya pelajar di Kolej Vokasional.

Kata Kunci:

Instrumen Kesediaan Kerjaya, Kesahan, Kebolehpercayaan, CVI, Kolej Vokasional

Abstract:

The development of a good instrument will assist in the assessment and further study processes, ensuring that the career needs and aspirations of students can be identified and managed more effectively. With assessment tools tailored to local culture and language, it will enhance the accuracy of research outcomes and help skill institutions provide more focused and beneficial training programs for students, thereby improving their employability in the job market. Thus, this research paper discusses the findings on the validity and reliability of the career readiness instrument in its Malay version. This study is a survey that employs a quantitative approach to test the validity and reliability of the Malay version of the career readiness instrument. The researcher conducted validity testing using the Content Validity Index (CVI) method, involving three experts. A pilot study was also conducted to obtain the reliability value of the instrument, involving 30 student samples from Vocational Colleges. Four elements of career readiness were studied: concern, curiosity, confidence, and negotiation, involving a total of 24 items from the original version. The findings indicate that the overall CVI value obtained is 0.86, reaching the recommended level, and the Cronbach's Alpha (α) value is 0.952, indicating that the instrument has high validity and reliability. In summary, the results of this study show that the Malay version of the career readiness instrument meets the criteria for validity and reliability and can be used by other researchers in the future to measure students' career readiness levels in Vocational Colleges.

Keywords:

Career Readiness Instrument, Validity, Reliability, CVI, Vocational College

Pengenalan

Dalam dunia pendidikan dan pasaran buruh yang berubah dengan pantas, kesediaan individu terhadap kerjaya yang bermakna dan mampan merupakan satu matlamat penting. Memiliki kesediaan sebelum menceburi dunia pekerjaan akan membantu dari aspek keprihatinan, mewujudkan rasa ingin tahu, membina keyakinan diri serta melalui proses rundingan yang tepat (Priksat, Kumar, & Nankervis, 2019). Hal ini sekali gus mewujudkan persekitaran yang aman dalam sesebuah organisasi apabila setiap individu memberikan kerjasama sama ada secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, kesediaan kerjaya perlu dipupuk sejak dari awal peringkat menengah bagi membantu pelajar khususnya supaya berkeupayaan dalam membuat keputusan, memberi pendedahan terhadap maklumat pekerjaan, pemilihan dan perancangan kerjaya yang akan diceburi serta keupayaan untuk menyelesaikan masalah

berkaitan kerjaya (Fazillah Musa & Abdullah Mat Rashid, 2020). Ahmad Rosli Mohd Nor, Mohamad Sattar Rasul, & Salleh Amat (2021) menyatakan, seseorang individu yang mempunyai kesediaan kerjaya yang baik akan mampu untuk menghadapi dunia kerjaya selepas menamatkan pengajian. Justeru, membentuk kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar adalah penting dalam memastikan keluaran modal insan dapat memenuhi keperluan dan kehendak industri.

Technical and Vocational Education and Training (TVET) atau juga dikenali sebagai Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional diperkenalkan dengan matlamat khusus bagi menyediakan pendidikan dan latihan kepada pelajar dengan kemahiran serta kesediaan sebelum mereka menceburi dunia pekerjaan (Sri Rahmadhani, Ahyanuardi, & Lili Suryati, 2022). Selaras itu, TVET dilihat sebagai satu alternatif dalam membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dengan melahirkan modal insan yang bukan sahaja mempunyai kecekapan dalam bidang tertentu, malah mereka juga berpeluang meneroka kehendak industri semasa. Walaupun begitu, masih terdapat beberapa cabaran bagi memenuhi keperluan majikan seperti kurang kesediaan terhadap kerjaya menjadikan pelajar lepasan institusi TVET terpaksa bersaing untuk mendapatkan kerja (Dodd, Hanson, & Hooley, 2022). Hal ini telah menyebabkan berlaku ketidakpadanan kerja dan merugikan negara kerana terpaksa bergantung dengan tenaga kerja daripada luar negara.

Dalam konteks di Malaysia, satu badan bertindak telah ditubuhkan bagi menangani isu dan cabaran yang dihadapi. Majlis TVET Negara (MTVET) bertanggungjawab dalam memperkenalkan dasar TVET negara sekali gus memastikan ekosistem TVET di Malaysia dapat diperkasakan (Sekretariat Majlis TVET Negara, 2024). Selaras dengan dasar TVET negara, pelajar yang menyambung pengajian di Kolej Vokasional (KV) diberi penekanan terhadap kemahiran khusus untuk pasaran kerja (Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional KPM, 2023). Hal ini kerana, fasa peralihan dari peringkat sekolah ke alam pekerjaan merupakan satu perkara yang penting. Oleh itu, usaha sama dari pelbagai pihak dalam memastikan pelajar lepasan KV memiliki tahap kesediaan kerjaya yang tinggi adalah perlu. Majikan juga lebih cenderung untuk memilih individu yang mempunyai kesediaan terhadap kerjaya agar mereka dapat melaksanakan tugas yang diberikan dengan baik sekali gus dapat membantu memperluas prospek ekonomi syarikat (Siti Aisyah Mohd Nong & Siti Zuraidah Md Osman, 2024). Oleh itu, keperluan bagi menyediakan satu instrumen yang dapat menilai kesediaan kerjaya pelajar di KV perlu dibangunkan agar modal insan yang dilahirkan selari dengan kehendak industri semasa dan mempunyai kesediaan sebelum menceburi alam kerjaya. Dalam memastikan ketepatan item dalam instrumen yang dibangunkan sesuai dengan maksud, pengkaji perlu menitikberatkan elemen kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian (Fauzi Hussin, Jamal Ali, & Mohd Shaifoul Zamzuri Noor, 2014; Savickas & Porfeli, 2012).

Sorotan Kajian Lepas


Kesediaan Kerjaya

Kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar merujuk kepada tahap kecekapan, sikap dan atribut yang menyediakan mereka untuk satu transisi peralihan dari alam sekolah ke alam pekerjaan (Makki, Feng, Waqar, & Adhikari, 2023). Antara aspek kesediaan kerjaya adalah keinginan untuk berusaha mencapai matlamat kerjaya, memiliki kemahiran yang khusus dalam bidang kerjaya yang akan diceburi dan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan kehendak pasaran kerja yang dinamik pada masa kini. Sorotan kajian menunjukkan kepentingan pelajar untuk

memiliki kesediaan kerjaya dalam memastikan kerjaya mereka dapat berkembang dengan baik di masa akan datang sekali gus dapat menyumbang kepada bidang pekerjaan yang mereka ceburi (Ainol Mardhiyah Rahmat, Airil Haimi Mohd Adnan, & Nor Marini Mohtar, 2019).

Perspektif majikan pula melihat kesediaan kerjaya sebagai salah satu faktor yang penting dalam menentukan keupayaan seseorang untuk bekerja secara berkesan di tempat kerja (Noor Mala Othman & Azman Hasan, 2019; Nur'Adnin Syamil Halik Bassah & Mohd Asri Mohd Noor, 2023). Selain itu, majikan juga menetapkan bakal pekerja yang bukan sahaja memiliki kepakaran dalam bidang yang khusus namun juga perlu menguasai kemahiran insaniah dengan baik bagi memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang memerlukan kerjasama berpasukan, kemahiran komunikasi yang baik serta mempunyai kemahiran kebolehsuaian dengan suasana kerja (Borg, Borg, Scott-Young, & Naderpajouh, 2020). Justeru, hala tuju pendidikan masa kini perlu seiring dengan keperluan industri dalam memastikan pelajar mempunyai kesediaan sebelum mereka meneroka alam kerjaya.

Mendepani era Revolusi Industri 4.0, kesediaan kerjaya dilihat mempunyai kepentingan dalam mempengaruhi taraf sosio ekonomi individu, kepuasan bekerja dan membentuk identiti kerjaya seseorang (Wang et al., 2024). Namun, kekurangan maklumat berkenaan hala tuju dalam meneroka kerjaya menyebabkan pelajar terutamanya di peringkat usia penerokaan iaitu antara 15 hingga 18 tahun lebih selesa melibatkan ibu bapa dan guru mereka menentukan pilihan kerjaya mereka (Sidek Mohd Noah, 2002). Ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap kesediaan pelajar untuk menetapkan pilihan terhadap kerjaya yang mereka ingin ceburi. Laporan Sekretariat Majlis TVET Negara (2024) juga menunjukkan, ketidakpadanan kerja merupakan salah satu cabaran yang perlu ditangani dalam kalangan graduan TVET. Hal ini menyebabkan, negara masih ketandusan modal insan yang berkemahiran disebabkan oleh ketidakpadanan kerja yang mereka ceburi. Sekiranya hal ini tidak diatasi, isu kebergantungan tenaga mahir daripada luar tidak akan dapat dielakkan. Rajah 1 menunjukkan empat elemen kesediaan kerjaya yang merupakan aspek penting dalam kajian ini.



Rajah 1: Elemen Kesediaan Kerjaya

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menterjemah dan mengesahkan instrumen kesediaan kerjaya dalam versi bahasa Melayu. Justeru itu, pengkaji telah menguji kesahan instrumen dengan menggunakan kaedah *Content Validity Index* (CVI) dan menjalankan kajian rintis bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan bagi instrumen ini. Setiap prosedur yang dijalankan akan dijelaskan secara terperinci di bahagian metodologi kajian.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan reka bentuk kuantitatif. Instrumen kajian merupakan soal selidik yang diukur menggunakan skala lima *Likert* yang mengandungi 24 item daripada sumber asal yang diperolehi. Tiga orang pakar dalam bidang teknik dan vokasional akan terlibat dalam menentukan kesahan instrumen manakala 30 sampel terdiri daripada pelajar Kolej Vokasional dipilih sebagai responden bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan. Rajah 2 menunjukkan ringkasan keseluruhan pelaksanaan kajian.



Rajah 2: Ringkasan Pelaksanaan Kajian

Instrumen Kesediaan Kerjaya

Instrumen kesediaan kerjaya yang digunakan dalam kajian ini dibina oleh Savickas & Porfeli (2011) dalam versi Bahasa Inggeris. Instrumen ini telah diringkaskan kepada 24 item, terdiri daripada empat elemen dan setiap elemen mempunyai enam item. Elemen tersebut adalah keprihatinan, perasaan ingin tahu, keyakinan dan rundingan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Oleh itu, melalui instrumen ini individu dapat mengenal pasti tahap kesediaan kerjaya. Jadual 1 menunjukkan bilangan item mengikut elemen yang telah dikenal pasti.

Jadual 1: Item Setiap Elemen Kesediaan Kerjaya

Elemen	No. Item
Keprihatinan	D1, D5, D9, D13, D17, D21
Perasaan ingin tahu	D2, D6, D10, D14, D18, D22
Keyakinan	D3, D7, D11, D15, D19, D23
Rundingan	D4, D8, D12, D16, D20, D24

Prosedur Kajian

Sebelum kajian dijalankan, pengkaji telah melakukan sorotan kajian berkenaan isu kesediaan kerjaya khususnya yang melibatkan pelajar di Kolej Vokasional bagi mengenal pasti instrumen yang sesuai digunakan bagi mengukur kesediaan kerjaya pelajar. Setelah itu, kajian diteruskan melalui beberapa peringkat bagi menentukan instrumen kesediaan kerjaya dalam versi bahasa Melayu ini sah dan boleh dipercayai. Justeru, di peringkat pertama kajian pengkaji telah memohon kebenaran bagi menggunakan instrumen asal kajian dalam versi bahasa Inggeris. Di peringkat kedua setelah kebenaran diperolehi, pengkaji telah menghantar instrumen tersebut kepada dua orang pakar bahasa untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan kemudian diterjemahkan semula ke dalam bahasa Inggeris. Pengkaji mendapatkan bantuan seorang guru bahasa Inggeris untuk menterjemahkan instrumen asal ke dalam bahasa Melayu. Seterusnya, instrumen tersebut dinilai oleh seorang lagi guru bahasa Inggeris bagi memastikan instrumen yang diterjemahkan itu mempunyai makna yang selari dengan instrumen kajian yang asal. Proses ini dinamakan sebagai teknik '*back-to-back translation*' bagi memastikan proses terjemahan selari dengan maksud asal instrumen tersebut. Setelah itu, pengkaji telah menyediakan satu set instrumen yang dimurnikan untuk dihantar kepada pakar bagi proses kesahan kandungan sebelum menjalankan kajian rintis bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan.

Kesahan Kandungan

Kesahan kandungan merujuk kepada kesahan yang dilakukan oleh pakar dalam bidang bagi mengesahkan item yang terdapat dalam instrumen kajian sama ada ianya sesuai untuk mengukur apa yang perlu diukur (Creswell, 2014). Pengkaji memilih menggunakan teknik *Content Validity Index* (CVI) bagi mendapatkan nilai kesahan instrumen kajian. Polit et al. (2007) menyarankan antara tiga hingga lima pakar manakala Davis (1992) pula mencadangkan minima dua pakar diperlukan bagi mendapatkan nilai CVI. Justeru, pengkaji memilih tiga orang pakar dalam bidang TVET bagi menilai kesahan instrumen kajian yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Jadual 2: Bilangan Pakar CVI

Bilangan pakar diperlukan	Nilai CVI yang diterima	Sumber rujukan
2 orang	> 0.80	Davis (1992)
3 hingga 5 orang	1.00	Polit et al. (2007); Polit & Beck (2006)
> 6 orang	> 0.83	Polit et al., (2007); Polit & Beck (2006)
6 hingga 8 orang	> 0.83	Lynn (1986)
> 9 orang	> 0.78	Lynn (1986)

Sumber: Muhamad Saiful Bahri Yusoff (2019)

Setelah persetujuan pakar diperolehi, pengkaji mengedarkan instrumen kajian yang telah diterjemahkan ke dalam versi bahasa Melayu untuk disahkan. Setelah itu, pengkaji mengumpulkan semula instrumen tersebut dan menganalisis dapatan. Davis (1992) menyarankan nilai CVI > 0.80 menunjukkan instrumen mempunyai kesahan yang baik dan diterima. Bagi mendapatkan nilai CVI, berikut adalah formula yang digunakan:

$$\text{Nilai Content Validity Index (CVI)} = \frac{\text{Jumlah skor setiap pakar}}{\text{Jumlah skor sebenar}}$$

$$\text{Purata CVI} = \frac{\text{Jumlah CVI}}{\text{Bilangan pakar}}$$

Sumber: Polit et al. (2007)

Kebolehpercayaan Instrumen

Bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan, satu kajian rintis telah dijalankan kepada 30 sampel yang terdiri daripada pelajar diploma di Kolej Vokasional. Instrumen yang diedarkan kepada sampel merupakan instrumen yang telah dimurnikan berdasarkan saranan oleh tiga orang pakar. Sebelum itu, pengkaji memohon kebenaran daripada pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk menjalankan kajian rintis. Pengkaji juga meminta kebenaran daripada pihak pentadbiran KV sebelum memulakan kajian rintis bagi menetapkan tarikh untuk mengedarkan instrumen tersebut. Setelah soal selidik dikembalikan, pengkaji membuat analisis menggunakan perisian SPSS versi 26 bagi mendapatkan nilai *Alpha Cronbach* (α) untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen yang dibangunkan. Menurut Fauzi Hussin et al. (2014), nilai $\alpha > 0.80$ menunjukkan instrumen mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik.

Dapatan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji mendapatkan nilai CVI bagi menentukan kesahan instrumen. Sebelum nilai keseluruhan CVI diperolehi, nilai purata item (I-CVI) akan ditentukan bagi melihat penerimaan pakar terhadap setiap item. Jadual 3 menunjukkan dapatan kesahan kandungan setiap item yang diukur dan jumlah skor yang diperolehi bagi setiap pakar. Bagi item yang tidak memenuhi syarat nilai I-CVI, terdapat dua pilihan sama ada item tersebut dipinda atau item tersebut perlu dikeluarkan. Justeru, pengkaji mengeluarkan item yang tidak memenuhi nilai I-CVI berdasarkan saranan Polit et al. (2007) yang menyatakan bahawa nilai I-CVI perlu bersamaan 1.0 jika bilangan pakar adalah antara tiga hingga lima orang. Justeru, sembilan item dikeluarkan kerana tidak mencapai nilai yang disarankan adalah item D1, D2, D3, D8, D11, D12, D17, D22 dan D24.

Jadual 3: Kesahan Kandungan Item

Item	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	I-CVI
D1	0	0	1	0.33
D2	1	1	0	0.67
D3	1	1	0	0.67
D4	1	1	1	1.00
D5	1	1	1	1.00
D6	1	1	1	1.00
D7	1	1	1	1.00
D8	0	1	1	0.67
D9	1	1	1	1.00
D10	1	1	1	1.00
D11	0	1	1	0.67
D12	0	1	1	0.67

D13	1	1	1	1.00
D14	1	1	1	1.00
D15	1	1	1	1.00
D16	1	1	1	1.00
D17	0	1	1	0.67
D18	1	1	1	1.00
D19	1	1	1	1.00
D20	1	1	1	1.00
D21	1	1	1	1.00
D22	0	1	1	0.67
D23	1	1	1	1.00
D24	0	1	1	0.67
Jumlah skor	17	23	22	0.86

Nilai akhir keseluruhan ditunjukkan dalam Jadual 4 iaitu CVI bersamaan 0.86 menepati saranan Davis (1992) iaitu nilai CVI > 0.80. Justeru, instrumen kesediaan kerjaya versi bahasa Melayu ini dirumuskan mempunyai nilai kesahan yang baik.

Jadual 4: Dapatan Nilai CVI

Pakar	1	2	3	Nilai CVI
Jumlah skor setiap pakar	0.71	0.96	0.92	0.86

Jadual 5 menunjukkan ringkasan bilangan item setelah penambahbaikan dilakukan seperti yang disarankan oleh pakar. Sembilan item dikeluarkan menjadikan jumlah item yang diterima adalah sebanyak 15 item.

Jadual 5: Ringkasan Item Diterima

Elemen	Bilangan item asal	Bilangan item dikeluarkan	Bilangan item selepas pengesahan pakar
Keprihatinan	6	2	4
Perasaan ingin tahu	6	2	4
Keyakinan	6	2	4
Rundingan	6	3	3
Jumlah Keseluruhan	24	9	15

Seterusnya, dapatan nilai *Alpha Cronbach* (α) ditunjukkan melalui Jadual 6. Hasil analisis mendapati keempat-empat elemen kesediaan kerjaya memperolehi nilai α yang tinggi iaitu antara 0.777 hingga 0.881. Nilai α keseluruhan bagi instrumen kesediaan kerjaya adalah bersamaan 0.952. Hal ini menunjukkan bahawa instrumen kajian memiliki nilai kebolehpercayaan yang baik. Justeru itu berdasarkan dapatan analisis menunjukkan instrumen kesediaan kerjaya dalam versi bahasa Melayu ini mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik dan sesuai digunakan untuk pengkaji dalam konteks untuk mengukur kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar di Kolej Vokasional.

Jadual 6: Dapatan Nilai Alpha Cronbach

Instrumen	Elemen	Bilangan item	Nilai Alpha Cronbach
Kesediaan Kerjaya	Keprihatinan	4	0.881
	Perasaan ingin tahu	4	0.777
	Keyakinan	4	0.875
	Rundingan	3	0.787
Keseluruhan		15	0.952

Selain itu, dapatan nilai korelasi antara item (*Corrected Item-Total Correlation*) dalam instrumen kajian juga menunjukkan item tersebut boleh digunakan iaitu antara 0.447 hingga 0.844 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Nilai Korelasi Antara Item

Item	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
D1	0.447	0.954
D2	0.782	0.948
D3	0.689	0.950
D4	0.740	0.949
D5	0.844	0.947
D6	0.695	0.950
D7	0.783	0.948
D8	0.757	0.949
D9	0.823	0.947
D10	0.659	0.951
D11	0.800	0.948
D12	0.825	0.947
D13	0.644	0.951
D14	0.837	0.947
D15	0.714	0.949

Rumusan

Secara keseluruhannya, penyediaan soal selidik kesediaan kerjaya yang diperakui dalam Bahasa Melayu sangat penting untuk kegunaan institusi kemahiran di Malaysia. Pembangunan instrumen yang baik akan membantu dalam proses penilaian dan kajian lanjutan. Berdasarkan sorotan kajian, terdapat empat elemen penting yang membentuk kesediaan kerjaya iaitu keprihatinan, perasaan ingin tahu, keyakinan dan rundingan. Proses modifikasi elemen-elemen ini memerlukan penilaian yang teliti. Melalui kajian ini, pengkaji telah menterjemah dan mengesahkan instrumen kesediaan kerjaya yang diadaptasi ke dalam versi bahasa Melayu. Hasil dapatan menunjukkan bahawa item yang dikaji adalah selari dengan elemen yang terdapat dalam instrumen asal walaupun terdapat sembilan item daripada keseluruhan 24 item yang dikeluarkan kerana tidak memenuhi nilai minima I-CVI yang ditetapkan. Justeru, hanya 15 item yang dikekalkan bagi instrumen kesediaan kerjaya versi bahasa Melayu yang sesuai untuk digunakan dalam konteks budaya di Malaysia. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan nilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kesediaan kerjaya dalam versi

bahasa Melayu memenuhi kriteria kesahan dan kebolehpercayaan serta berada pada tahap yang tinggi. Kesimpulannya, dapatan ini menjelaskan bahawa instrumen ini sesuai dengan budaya di Malaysia dan boleh digunakan oleh pengkaji akan datang dalam mengenal pasti tahap kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian dari kajian penyelidikan yang dilaksanakan oleh pengkaji di bawah seliaan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM. Penghargaan buat mana-mana individu yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan artikel ini yang ditaja oleh pihak Bahagian Tajaan Pendidikan, KPM melalui program Hadiah Latihan Persekutuan (HLP).

Rujukan

- Ahmad Rosli Mohd Nor, Mohamad Sattar Rasul, & Salleh Amat. (2021). Construction of TVET students' career profile pathways. *Journal of Technical Education and Training*, 13(1), 139–147. <https://doi.org/10.30880/jtet>
- Ainol Mardhiyah Rahmat, Airil Haimi Mohd Adnan, & Nor Marini Mohtar. (2019). Industry 4.0 skillsets and “career readiness”: Can Malaysian university students face the future of work? *International Invention, Innovative & Creative Conference*, 28–37. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/337146736>
- Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional KPM. (2023). Kolej Vokasional. Retrieved May 29, 2023, from KPM website: <https://bpltv.moe.gov.my/kolej-vokasional/>
- Borg, J., Borg, N., Scott-Young, C. M., & Naderpajouh, N. (2020). The work readiness–career resilience linkage: Implications for project talent management. *International Journal of Managing Projects in Business*, 14(4), 917–935. <https://doi.org/10.1108/IJMPB-04-2020-0129>
- Creswell, J. W. (2014). *Research design* (4th ed.). California: SAGE Publications.
- Davis, L. L. (1992). Instrument review: Getting the most from a panel of experts. *Applied Nursing Research*, 194–197.
- Dodd, V., Hanson, J., & Hooley, T. (2022). Increasing students' career readiness through career guidance: measuring the impact with a validated measure. *British Journal of Guidance and Counselling*, 50(2), 260–272. <https://doi.org/10.1080/03069885.2021.1937515>
- Fauzi Hussin, Jamal Ali, & Mohd Shaifoul Zamzuri Noor. (2014). *Kaedah penyelidikan dan analisis data SPSS*. Sintok: UUM Press.
- Fazillah Musa, & Abdullah Mat Rashid. (2020). Career readiness among vocational graduates: Implication of competency based learning. *The Journal of Social Sciences Research*, 6(6), 633–638. <https://doi.org/10.32861/jssr.66.633.638>
- Lynn, M. R. (1986). Determination and quantification of content validity. *Nursing Research*, 35(6), 382–386.
- Makki, B. I., Feng, F., Waqar, M. A., & Adhikari, I. M. (2023). Work readiness, decision-making self-efficacy, and career exploration among engineering students: A two-step framework. *Mathematical Problems in Engineering*, 2023, 1–8. <https://doi.org/10.1155/2023/8166825>
- Muhamad Saiful Bahri Yusoff. (2019). ABC of content validation and Content Validity Index calculation. *Education in Medicine Journal*, 11(2), 49–54. <https://doi.org/10.21315/eimj2019.11.2.6>

- Noor Mala Othman, & Azman Hasan. (2019). Elemen kesediaan kerjaya ke arah kebolehpasaran graduan Kolej Vokasional bidang hospitaliti di Malaysia berdasarkan keperluan pensyarah. *Journal of Management and Operation Research*, 1(20), 1–9.
- Nur'Adnin Syamil Halik Bassah, & Mohd Asri Mohd Noor. (2023). Employability skills needed for TVET graduates in Malaysia: Perspective of industry expert. *Online Journal for TVET Practitioners*, 8(1), 52–59. <https://doi.org/10.30880/ojtp.2023.08.01.005>
- Polit, D. F., & Beck, C. T. (2006). The content validity index: Are you sure you know what's being reported? Critique and recommendations. *Research in Nursing and Health*, 29(5), 489–497. <https://doi.org/10.1002/nur.20147>
- Polit, D. F., Beck, C. T., & Owen, S. V. (2007). Focus on research methods: Is the CVI an acceptable indicator of content validity? Appraisal and recommendations. *Research in Nursing and Health*, 30(4), 459–467. <https://doi.org/10.1002/nur.20199>
- Prikshat, V., Kumar, S., & Nankervis, A. (2019). Work-readiness integrated competence model: Conceptualisation and scale development. *Education and Training*, 61(5), 568–589. <https://doi.org/10.1108/ET-05-2018-0114>
- Savickas, M. L., & Porfeli, E. J. (2011). Revision of the Career Maturity Inventory: The adaptability form. *Journal of Career Assessment*, 19(4), 355–374. <https://doi.org/10.1177/1069072711409342>
- Savickas, M. L., & Porfeli, E. J. (2012). Career adapt-abilities scale: Construction, reliability, and measurement equivalence across 13 countries. *Journal of Vocational Behavior*, 80(3), 661–673. <https://doi.org/10.1016/j.jvb.2012.01.011>
- Sekretariat Majlis TVET Negara. (2024). *Dasar TVET Negara*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Perkembangan kerjaya: Teori dan praktis*. Penerbit UPM.
- Siti Aisyah Mohd Nong, & Siti Zuraidah Md Osman. (2024). Keperluan kemahiran insaniah abad ke-21 terhadap kesediaan kerjaya pelajar. *International Journal of Modern Education*, 6(20), 271–282. <https://doi.org/10.35631/ijmoe.620021>
- Sri Rahmadhani, Ahyanuardi, & Lili Suryati. (2022). Vocational high school students' competency needs to the world of work. *Jurnal Mimbar Ilmu*, 27(2), 349–355. <https://doi.org/10.23887/mi.v27i1.42161>
- Wang, P., Zheng, Y., Zhang, M., Yin, K., Geng, F., Zheng, F., ... Wu, X. (2024). Methods for measuring career readiness of high school students: Based on multidimensional item response theory and text mining. *Humanities and Social Sciences Communications*, 11(1). <https://doi.org/10.1057/s41599-024-03436-0>